

Kata laluan USB

ADAKAH cara untuk meletak kata laluan apabila capaian dibuat pada sebuah media storan, *USB Pen Drive*?

-Aleng, Tawau.

Keperluan untuk perlindungan data dalam media storan bersifat mudah alih seperti *USB Pen Drive* sangat diperlukan pada masa kini. Antaranya, perlindungan

*Diskusi
ICT*



Bersama **FIRKHAN**
sembangict@yahoo.com

data boleh dibuat dengan meletakkan kata laluan pada capaian media storan tersebut. Terdapat banyak aplikasi keselamatan yang boleh

digunakan untuk meletakkan kata laluan pada capaian media storan seperti *USB Pen Drive*. Dalam sistem Windows, terdapat aplikasi enkripsi, *BitLock* yang boleh digunakan untuk meletakkan kata laluan pada capaian media storan seperti *USB Pen Drive*. Namun begitu, pastikan sistem fail yang digunakan dalam sistem Windows adalah berasaskan sistem fail NTFS. Aplikasi ini tidak disokong oleh sistem fail

FAT 32.

Seterusnya, dibincangkan langkah-langkah meletakkan kata laluan pada capaian media storan seperti *USB Pen Drive* menggunakan aplikasi *BitLock*.

- 1 Hubungkan *USB Pen Drive* kepada sebuah komputer.
- 2 Seterusnya, buka program *Windows Explorer* dalam sistem Windows. Seterusnya pergi ke menu *This PC* dan cari pemacu yang menyatakan ia sebagai *USB Pen Drive*.

3 Klik kanan pada pemacu *USB Pen Drive* tersebut dan pilih menu *Turn on BitLocker*.

4 Kemudian, klik pada fungsi *Use password to protect the drive*.

5 Masukkan kata laluan yang dikehendaki dalam dua kotak atau medan diperuntukkan.

6 Selepas itu, klik pada butang-butang *Next* yang seterusnya.

7 Cetak atau simpan paparan kunci untuk rujukan pada masa hadapan.

8 Seterusnya, proses enkripsi akan dimulakan. Media storan atau *USB Pen Drive* akan dienkripsi disertakan perlindungan keselamatan kata laluan yang telah disetkan.

Antara aplikasi yang boleh digunakan untuk menetapkan kata laluan pada media storan adalah seperti aplikasi *Wondershare USB Drive Encryption*, *DiskCryptor* dan lain-lain.